



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB ADLY BIN ZAHARI
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

PERASMIAN PROGRAM CAKNA ST&I PERTAHANAN

7 SEPTEMBER 2023

**SEKOLAH MENENGAH AGAMA PERSEKUTUAN (SMAP)
KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

(BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM)

(ALHAMDULILLAHIROBBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU 'ALA ASROFIL AMBIYA IWAL MURSALIN WA'ALA ALIHI WASOHBIBI AJ MA'IN)

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, tuhan sekalian alam serta selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan keluarga baginda.

1. **Yang Berbahagia Dato' Aminudin bin Yahaya**
Ketua Pengarah STRIDE
2. **Yang Berusaha Dr. Mohd Bakhari bin Ismail**
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan
Kementerian Pertahanan Malaysia)
3. **Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Ya'acob bin Haji Samiran**
Ketua Eksekutif
Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MiDAS)
4. **Yang Berusaha Dr. Jafri bin Abu**
Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan
5. **Yang Berusaha Tuan Ab Aziz bin Mamat,**
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. **Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Nordin bin Mohd Tohir,**
Pengetua
Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang (SMAPK), Kajang
7. **Pengetua dan Guru sekolah-sekolah jemputan**
8. **Pegawai-pegawai Kanan MINDEF, ATM dan STRIDE**
9. Guru-guru dan para pelajar Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang (SMAPK), Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan atau STRIDE dan Jawatankuasa Penganjur Program Membudayakan R&D Pertahanan di Sekolah di atas kejayaan menganjurkan majlis **Cakna Sains Teknologi dan Inovasi Pertahanan di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang, Selangor Darul Ehsan** pada petang ini.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga SMAP Kajang terutama Tuan Pengetua dan para pendidik serta pelajar, kerana sudi menjadi tuan rumah dalam siri Program **Cakna Sains Teknologi dan Inovasi Pertahanan** pada tahun ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta pelajar yang dikasihi sekalian

3. Kertas Putih Pertahanan jelas menzahirkan iltizam Kerajaan untuk terus memperkasakan dasar sains, teknologi dan industri pertahanan, dengan merangsang dan **menyemarakkan budaya penyelidikan dan inovasi**, bukan sahaja di kalangan warga pertahanan malah kepada generasi muda yang terdiri daripada para pelajar sekolah menengah.

4. Berbekalkan iltizam tersebut, satu Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN) akan dilancarkan pada tahun ini. DIPKN akan menjadi nadi penggerak kepada sebuah ekosistem industri pertahanan dan keselamatan negara yang lebih menyeluruh, mampan dan mempunyai keupayaan berdikari atau *self reliance*, khususnya seperti kelengkapan asas tempur untuk askar pintar masa hadapan.

PROGRAM CAKNA SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI PERTAHANAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Bertitik tolak kepada visi tersebut, Kementerian melalui STRIDE telah melancarkan Program Membudayakan R&D Pertahanan di Sekolah semasa pameran LIMA 23' di Langkawi pada 25 Mei yang lalu.
6. Program ini dilaksanakan secara berterusan melalui **2 aktiviti utama** iaitu:
 - a. **Cakna Sains, Teknologi dan Inovasi Pertahanan** di mana, para penyelidik STRIDE akan mengadakan kunjungan ke sekolah-sekolah terpilih bagi memberi pendedahan mengenai aktiviti penyelidikan selain mengadakan pameran kemajuan teknologi pertahanan; dan
 - b. Kedua, **Pertandingan Inovasi Pertahanan** bertemakan *Future Soldier* atau Tentera Masa Hadapan. Penyertaan Pertandingan ini telah dibuka dari 24 Mei 2023 hingga 4 September 2023 dan Majlis Penutup adalah pada 9 November 2023.
7. Melalui Program Cakna, aktiviti seperti tayangan video, pameran statik dan interaktif, kaunter peluang kerjaya oleh TLDM dan Tentera Darat (TD) serta peluang pengajian di Universiti Pertahanan Nasional (UPNM) telah diadakan di 2 sekolah sebelum ini iaitu SEMESRA di Rembau, Negeri Sembilan dan SMK Durian Tunggal di Melaka. SMAP Kajang merupakan sekolah ke 3 yang mewakili Negeri Selangor.

8. Pameran statik pula akan melibatkan pameran teknologi pertahanan oleh STRIDE seperti persenjataan, maritim, elektronik, perlindungan dan biofizikal serta jentera aeroangkasa. Wakil industri pertahanan pula akan mempamerkan produk R&D sebagai pendedahan **hubung kait antara sektor industri pertahanan dengan bidang penyelidikan dan pengujian** pertahanan.
9. Selain itu, pameran interaktif juga akan diadakan bertujuan untuk mendedahkan para pelajar dengan aspek *virtual reality games* yang berunsurkan elemen pertahanan.
10. Sebagai tunjang institusi pendidikan, pihak UPNM, Tentera Darat (TD), TLDM, Grup Gerak Khas (GGK) dan PARA telah turut hadir untuk berinteraksi secara langsung dengan pelajar mengenai pengajian serta peluang kerjaya yang ditawarkan. Adalah diharap segmen-segmen ini akan mampu menarik minat pelajar untuk berinovasi dan membina impian kerjaya dalam bidang pertahanan.
11. Para pelajar diharap akan dapat mendalami teknologi disebalik bahan-bahan pameran yang dipamerkan. Bertanyalah kepada para anggota tentera, pegawai penyelidik STRIDE dan petugas-petugas pameran bagi memahami teknologi berkenaan.

MEMBANGUN MALAYSIA MADANI

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

12. Dasar Malaysia MADANI yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri merupakan satu ikhtiar bersepadu, holistik dan berorientasikan masa depan demi mewujudkan masyarakat yang maju, terampil dan terangkum.

13. **Daya cipta** merupakan salah satu dari enam rukun kerangka MADANI. Penglibatan pelajar dalam program reka cipta dan inovasi seperti ini seharusnya menjadi langkah awal dalam menyuntik semangat pelajar sekolah untuk menjadi modal insan yang mampu berfikir secara kritis, kreatif dan berdaya saing.
14. Justeru, penganjuran program seperti ini diharap dapat mengatasi masalah kurangnya minat pelajar dalam menekuni ilmu sains dan teknologi. Oleh itu, STRIDE selaku institusi penyelidikan pertahanan Negara akan terus memainkan peranan membantu Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk **memupuk budaya daya cipta** dalam kalangan pelajar sekolah selaku pewaris generasi masa hadapan.
15. Kita semua sedia maklum program STEM aktif dilaksanakan di sekolah-sekolah. Kini tibalah masanya **teknologi pertahanan disuntik di dalam pelaksanaan aktiviti STEM**. Saya percaya STRIDE mampu menggalas tanggungjawab membantu Kementerian Pendidikan dalam merealisasikan perkara tersebut.
16. **Pertandingan Inovasi Pertahanan Peringkat Kebangsaan 2023** seperti yang saya sebutkan tadi merupakan julung kalinya diadakan melibatkan pelajar sekolah menengah seluruh negara. Insya Allah hasilnya akan sama-sama kita lihat di Pertandingan Akhir nanti.


Hadirin dan hadirat sekalian,

17. Di sini, saya menyeru pelajar dan guru yang berada di dewan ini agar mengambil peluang meninjau *booth* pameran syarikat-syarikat tempatan dan menyertai *Virtual Reality Games* yang telah disediakan. Saya berharap pengisian ini mampu menyemarakkan lagi minat pelajar

terhadap teknologi pertahanan seterusnya melahirkan teknokrat pertahanan tempatan pada masa hadapan.

PENUTUP

18. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada STRIDE selaku penganjur Program Cakna ST&I Pertahanan.
19. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada warga Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang (SMAPK), Kajang Selangor Darul Ehsan serta Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Langat dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor atas kehadiran pada hari ini. Sesungguhnya, para pendidik dan pelajar memainkan peranan penting dalam mencorak budaya pemikiran generasi masa hadapan.
20. Di kesempatan ini juga, jangan kita lupa Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2023 (Sabtu) di Stadium Perpaduan, Kuching Sarawak. Kita juga baru meraikan Sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2023 yang lalu di Dataran Putrajaya. Marilah kita bersama-sama menunjukkan semangat patriotik kita terhadap negara dengan memperkukuhkan perpaduan dan mempererat tali silaturahim antara kita sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 pada tahun ini.

21. Akhir kalam dengan lafaz  saya merasmikan Program Cakna Sains Teknologi dan Inovasi Pertahanan di peringkat Negeri Selangor. Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.